



**Kedah**  
Malaysia  
where it all began

كردانجان بنگر قديج بزار الامتسان

**KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN**  
PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN  
ARAS 3, BLOK E, WISMA DARUL AMAN  
05503 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-774 4000/ 04-774 4010  
Faks : 04-774 4578/ 04-733 0910  
04-774 4643/ 04-733 8717  
E-mail : [pbnk@kedah.gov.my](mailto:pbnk@kedah.gov.my)

Ruj.kami : PPNK.BN 100. 1/9/4 (22)  
Tarikh : 24 Jamadilawal 1441H  
20 Januari 2020M

**SEMUA KETUA JABATAN / KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB  
JABATAN KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

**SEMUA KETUA JABATAN / KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB  
JABATAN PERSEKUTUAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

YB. Dato'/ YAA Dato'/ YBhg. Dato'/ Tuan / Puan,

**SURAT ARAHAN OPERASI BIL. 2/2020  
SURAT IRINGAN KIRA-KIRA WANG TUNAI (KKWT)**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

- Untuk makluman Pejabat Perbendaharaan Negeri Kedah Darul Aman telah menetapkan format surat iringan bagi keseragaman dalam penghantaran Kira-Kira Wang Tunai (KKWT) bulanan.
- Sehubungan dengan itu, pihak YB. Dato'/ YAA Dato'/ YBhg. Dato'/ Tuan / Puan adalah dipohon agar setiap penghantaran Kira-Kira Wang Tunai (KKWT) bulanan menggunakan Surat Iringan yang *standard*.
- Menurut AP 145(a), pihak tuan dikehendaki menghantar dokumen tersebut dalam tempoh 10 hari selepas tarikh akhir tiap-tiap bulan. Jika tiada pungutan dibuat dalam tempoh berkenaan penyata "Tiada Pungutan" hendaklah dikemukakan sepertimana yang ditetapkan dalam Ap 145(b).
- Bersama-sama ini disertakan format Surat Iringan dan Lampiran KKWT untuk tindakan seterusnya oleh pihak YB. Dato'/ YAA Dato'/ YBhg. Dato'/ Tuan / Puan berkuatkuasa mulai Januari 2020. PTJ perlu memuat turun surat iringan dan lampiran KKWT di url <https://ppnk.gov.my> di ruangan "Muat Turun".




6. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh merujuk dengan Seksyen Naziran dan Khidmat Perundangan – Unit Pengurusan Tunai di talian 04-7027785 / 7027786 / 7027787 .

7. Perhatian dan kerjasama pihak YB. Dato'/ YAA Dato'/ YBhg. Dato'/ Tuan / Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**‘KEDAH AMAN MAKMUR – HARAPAN BERSAMA MAKMURKAN KEDAH’**

Saya yang menjalankan amanah,



**( NAZHATUN BT MD REJAB, AMK., C.A (M) )**  
Bendahari Negeri  
Kedah Darul Aman

s.k YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kedah

### PENYATA BULANAN KUTIPAN HASIL NEGERI

JABATAN :  
KOD / PTJ :

BIL	KOD HASIL	PENJELASAN KOD	ANGGARAN TAHUN SEMASA (RM)	TERIMAAN BULAN SEMASA												JUMLAH (RM)	% TERKUMPUL								
				JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS										
JUMLAH TERIMAAN TERKUMPUL																									

DISEDIAKAN OLEH :

DISEMAK OLEH :

DILULUSKAN OLEH :

Anggaran Tahun \_\_\_\_\_ (Tahun Sebelum)  
Kutipan Bulan \_\_\_\_\_ (Bulan yang sama tahun sebelum)  
PRESTASI KUTIPAN (%) :

**--- CONTOH ---**

**SURAT IRINGAN JABATAN KIRA-KIRA WANG TUNAI (KKWT)**

Ruj.Kami :  
Tarikh :

Bendahari Negeri Kedah Darul Aman,  
Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah Darul Aman,  
Aras 3, Blok E Wisma Darul Aman,  
05503 Alor Setar.

**(u.p: Seksyen Naziran Dan Khidmat Perundingan – Unit Pengurusan Tunai )**

Tuan,

**PENYATA KIRA-KIRA WANG TUNAI BULAN DISEMBER TAHUN 2019  
JAB: 013000 / PTJ : 10100000 - JAB. PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI  
TERIMAAN BULAN SEMASA : RM 45,580.00  
JUMLAH TERIMAAN TERKUMPUL : RM 522,528.47**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama-sama ini dikemukakan Penyata Kira-Kira Wang Tunai (KKWT) bagi tujuan pengauditan. Dokumen yang dikemukakan adalah merangkumi semua dokumen yang digunakan untuk perakaunan terimaan seperti di **Lampiran KKWT**.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”  
‘KEDAH AMAN MAKMUR - HARAPAN BERSAMA MAKMURKAN KEDAH’**

Saya yang menjalankan amanah,

.....  
( )

**TANDATANGAN  
KETUA JABATAN/ KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB**

**--- CONTOH TIADA PUNGUTAN ---**

**SURAT IRINGAN JABATAN KIRA-KIRA WANG TUNAI (KKWT)**

Ruj.Kami :  
Tarikh :

Bendahari Negeri Kedah Darul Aman,  
Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah Darul Aman,  
Aras 3, Blok E Wisma Darul Aman,  
05503 Alor Setar.

**(u.p: Seksyen Naziran Dan Khidmat Perundingan – Unit Pengurusan Tunai )**

Tuan,

**PENYATA KIRA-KIRA WANG TUNAI BULAN DISEMBER TAHUN 2019  
JAB: 0090000 / PTJ : 10400000 - JKR KULIM/BANDAR BAHARU  
TERIMAAN BULAN SEMASA : RM 0.00  
JUMLAH TERIMAAN TERKUMPUL : RM 11,305.00**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa **tiada pungutan** pada bulan ini.
3. Bersama-sama ini dikemukakan Penyata Kira-Kira Wang Tunai (KKWT) bagi tujuan pengauditan:-
  - 3.1 – Kew. 253-Pin. 2/86.
  - 3.2 – Kew. 68-Pin. 2/87.
  - 3.3 – Buku Tunai Pungutan.
  - 3.4 – Penyata Bulanan Kutipan Hasil.

Sekian,terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”  
‘KEDAH AMAN MAKMUR - HARAPAN BERSAMA MAKMURKAN KEDAH’**

Saya yang menjalankan amanah,

.....  
( )

**TANDATANGAN  
KETUA JABATAN/ KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB**